


# Projek amal di Yunnan bawa seribu kenangan



**TERSER-GAM:** Pusat Islam dan masjid di Yangzhai, Yunnan yang dilawati sekumpulan mahasiswa SMU.

► **HILMI HARRIS**

CUACA yang amat sejuk, jauh daripada keluarga serta tidak biasa pula dengan keadaan sekeliling, memberikan cabaran bagi kami – sekumpulan mahasiswa Universiti Pengurusan Singapura (SMU) – ketika melawat China baru-baru ini.

Bagaimanapun, demi khidmat kebajikan yang telah dirancang, kami bukan sahaja mengagahai keadaan itu, bahkan pulang dengan seribu kenangan manis.

Kumpulan kami yang seramai 25 mahasiswa dan lima lagi pelawat dari Singapura, telah berangkat ke wilayah Yunnan di China pada 7 Disember tahun lalu untuk satu projek khidmat kemasyarakatan luar negara selama 14 hari, dinamakan Projek Xing Fu III (Xing Fu bermakna Makmur).

Untuk tiba di kampung itu, kami perlu menempuh perjalanan selama enam jam dengan koci dari Kunming, ibu kota Yunnan, ke bandar Zhoatong.

Dari situ kami menaiki van-van kecil selama sejam lagi untuk tiba di sebuah kampung bernama Yangzhai, antara kampung termiskin di Yunnan.

Kebanyakan masa kami dihabiskan di sebuah bangunan prasekolah di mana kami menginap, makan, bersantai dan bekerja.

Sebelum berangkat, kami telah menghabiskan masa empat bulan membuat persiapan dan mengumpul dana untuk memastikan matlamat projek kami tercapai.

Berkat usaha yang dijalankan, kami berjaya mengumpul \$15,000. Jumlah ini termasuk derma daripada rakan-rakan, saudara-mara dan juga daripada Projek Ekspedisi Belia, sebuah unit di bawah Yayasan Antarabangsa Singapura (SIF); Yayasan Menda-



**AJAR KANAK-KANAK:** Para sukarelawan dan penduduk desa dengan sekumpulan kanak-kanak selepas ceramah dan latihan menggosok gigi yang disampaikan Cik Kamariah Ahmad (tiga dari kanan). Di kanannya (bertudung) ialah Cik Mariah Mah. – Foto-foto HILMI HARRIS

ki dan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM).

Dana ini telah kami gunakan untuk membaiki semula seluruh dapur bangunan

sekolah tersebut, menggantikan jubin lantai, membaiki tempat pengedaran udara, setor, peralatan memasak dan kemudahan untuk mencuci pakaian.

Beberapa aktiviti yang kami turut lakukan termasuklah membersihkan pekarangan bangunan, mengecat bilik-bilik darjah dan mengadakan sesi penjagaan kebersihan peribadi bagi kanak-kanak.

Kami juga berinteraksi dengan penduduk kampung dan kanak-kanak setiap hari.

Walaupun menghadapi masalah memahami bahasa mereka, ia tidak menghalang kebanyakan kami untuk berinteraksi kerana terdapat tiga orang dalam kalangan kami yang boleh berbahasa Mandarin dan bertindak sebagai penterjemah.

Kumpulan kami juga dapat meluangkan masa sehari melawat sebuah kampung miskin – satu pengalaman pembuka mata kerana kami dapat belajar secara ringkas sejarah dan penduduk Islam di wilayah tersebut.

Salah satu cabaran utama yang kami hadapi ialah cuaca yang amat sejuk. Ini membuat kami sukar melakukan tugas kerana kebanyakannya perlu dilakukan di luar bangunan.

Kami juga merasai bagaimana hidup jauh daripada keluarga dan berdiskusi.

Namun, kami gembira kerana memperoleh banyak pelajaran bermakna seperti perhubungan, kepimpinan, kesabaran dan ketahanan diri.

### Pengalaman paling berharga

Pengalaman paling berharga ialah mengenali dengan lebih dekat budaya Cina-Islam dan amalan mereka.

Ini membuat kami lebih memahami keadaan hidup dan ekonomi penduduk di sebahagian daerah di China.

Terkesan dengan apa yang dilihat, kami

semua mengakui berasa amat berat hati meninggalkan Yunnan. Kami terangsang untuk terus memberikan sumbangan kepada masyarakat, menikmati pengalaman berharga yang diraih dan tampil melakukan kerja sukarela walau di mana sekali pun.

Apa yang diperlukan ialah niat yang baik dan keyakinan bahawa satu langkah kecil boleh membawa kepada kebaikan yang besar di dunia.

Projek Xing Fu III ini ialah satu projek khidmat kemasyarakatan luar negara anjuran kumpulan ketiga mahasiswa SMU di Yangzhai.

Kumpulan ini menjalankan projek tersebut sebagai meneruskan usaha kumpulan perintis Projek Xing Fu I yang telah membaiki semula enam bilik darjah di Pusat Pembelajaran di kampung Yangzhai antara 2011 dengan 2012.

Melalui projek-projek yang dijalankan itu, kami berharap dapat meningkatkan taraf hidup penduduk kampung yang miskin di sana.

Projek kami ini dapat dilaksanakan melalui kerjasama Pusat Kebajikan Xiji, sebuah badan bukan pemerintah di wilayah Ningxia dan syarikat China Muslim Silaturrahim Tours yang diuruskan oleh Cik Mariah Mah, seorang Cina Muslim warga Singapura.

Cik Mah, seorang guru pesara di Singapura, telah melakukan kerja-kerja kemanusiaan untuk penduduk Islam di China sejak 20 tahun lalu.

► *Nota: Penulis, 27 tahun, pelajar jurusan pengurusan perniagaan SMU dan ketua kumpulan mahasiswa bagi Projek Xing Fu III.*